

15/12/2001

Rumah terbuka di Seri Perdana pada hari pertama Aidilfitri

KUALA LUMPUR, Jumaat - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan mengadakan majlis rumah terbuka di kediaman rasminya, Seri Perdana, di Putrajaya pada hari pertama Aidilfitri.

Majlis rumah terbuka sehari itu diadakan pada dua sesi iaitu dari 10 pagi hingga 1 tengah hari dan dari 3 petang hingga 6 petang.

Menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri, orang ramai diminta mematuhi arahan dan peraturan lalu lintas serta meletak kenderaan di tempat yang disediakan bagi mengelak kesesakan pada hari itu.

Mereka juga dinasihatkan membawa payung sebagai persediaan mengelak cuaca panas atau hujan.

Kecuali pada hari majlis rumah terbuka itu, Seri Perdana akan ditutup untuk orang ramai mulai hari ini hingga 25 Disember.

Seri Perdana akan dibuka untuk lawatan orang ramai seperti biasa dari 9 pagi hingga 5 petang pada 26 Disember ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, akan mengadakan rumah terbuka di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini pada hari pertama Aidilfitri mulai 1.30 tengah hari hingga 5 petang.

Sementara itu, Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, mengadakan majlis rumah terbuka di Dewan Tun Razak, PWTC pada 22 Disember mulai jam 10 pagi hingga 2 petang.

Di JOHOR BAHRU, Tengku Mahkota Johor, Tengku Ibrahim akan mengadakan rumah terbuka pada hari raya pertama di Istana Pasir Pelangi mulai 11 pagi.

Pada hari yang sama, Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman akan mengadakan rumah terbuka di kediaman rasminya, Saujana dari 9 pagi hingga 1 petang.

Abdul Ghani akan turut mengadakan majlis rumah terbuka di kampung halamannya di Sungai Mati, Muar pada hari raya ketiga dari 10 pagi hingga 3 petang, kata setiausaha akhbarnya Saodi Mat Atar.

Di SHAH ALAM, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah akan mengadakan rumah terbuka di Istana Bukit Kayangan pada hari pertama Aidilfitri dari 12 tengah hari hingga 3 petang.

Menurut Pegawai Akhbar Sultan, Adnan Abdullah, baginda akan menunaikan semayang hari raya di Masjid Negeri dan selepas itu menziarahi Makam Diraja di Klang bersama kerabat lain serta Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohd Khir Toyo, anggota exco kerajaan negeri dan pegawai kanan kerajaan negeri.

Menteri Besar pula akan mengadakan rumah terbuka di Projek Perumahan Rakyat Lembah Subang, Petaling Jaya pada hari pertama dari 12 tengah hari hingga 5 petang.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dalam satu kenyataan berkata, Mohd Khir akan mengadakan rumah terbuka di rumahnya di Teratak Sri Atin, Simpang Lima, Sungai Besar pada 23 Dis dari 11 pagi hingga 5 petang.

Di SEREMBAN, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan dan Tuanku Ampuan akan mengadakan rumah terbuka di Istana Besar Sri Menanti, Kuala Pilah pada hari raya pertama bermula jam 10.30 pagi hingga 1 tengah hari.

Menurut kenyataan Pengelola Bijaya Diraja Kdr (B) Datuk Selamat Saad, baginda berdua sebelum itu akan bersolat sunat Aidilfitri bersama rakyat di Masjid Diraja Tuanku Munawir, Sri Menanti pada jam 9 pagi.

Menteri Besar, Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad, pula mengadakan rumah terbuka pada hari raya pertama di kediaman rasminya di sini dan pada hari

raya ketiga di rumahnya di Kampung Baru, Port Dickson. Rumah terbuka Menteri Besar itu bermula jam 10 pagi.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim akan mengadakan rumah terbuka di Dewan Majlis Daerah Jelebu pada Hari Raya ketiga mulai jam 3 hingga 6 petang.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Khalid Yunus, pula mengadakan rumah terbuka di kediamannya di Taman Tunku Puan Chik, Bahau, pada hari raya kedua mulai jam 10 pagi hingga 4 petang.

Di MELAKA, Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabudin mengadakan majlis rumah terbuka pada hari raya pertama di Istana Melaka, Bukit Beruang di sini, bermula jam 9 pagi.

Yang Dipertua Negeri dijadual mengerjakan solat sunat Aidilfitri bersama Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan umat Islam di Masjid Al-Azim, Bukit Palah pada jam 8 pagi.

Sementara itu, Mohd Ali turut mengadakan majlis rumah terbukanya di kediaman rasmi Ketua Menteri, Seri Bendahara, Bukit Peringgit bermula jam 10 pagi pada hari yang sama.

Bekas Timbalan Perdana Menteri yang juga anggota Parlimen Batu Berendam, Tun Ghafar Baba dijadual mengadakan majlis rumah terbuka di rumahnya di Simpang Peringgit, Melaka pada hari raya ketujuh dari 12 tengah hari sehingga 3 petang.

Di KUCHING, Yang Dipertua Negeri Tun Abang Muhammad Salahuddin Barieng dan isteri Toh Puan Norkiah akan mengadakan rumah terbuka pada Hari Raya pertama dan kedua di Astana, Petra Jaya.

Menurut kenyataan Jabatan Penerangan Sarawak, Yang Dipertua akan menerima kunjungan Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, anggota Kabinet negeri, ahli Dewan Undangan Negeri dan orang kenamaan lain pada hari pertama dari jam 10 pagi hingga 12.30 tengah hari dan dari 2 hingga 5 petang.

Pada hari kedua, beliau akan menyambut kedatangan orang ramai dari jam 9 pagi hingga 12.30 tengah hari dan dari 2 hingga 5 petang.

Abdul Taib pula akan mengadakan rumah terbuka pada hari pertama Syawal di Stadium Perpaduan Negeri, Petra Jaya dari jam 10 pagi hingga 12.30 tengah hari dan dari jam 3 hingga 5 petang.

Pada hari raya kedua, beliau dan isteri Puan Sri Laila Taib akan menerima tetamu di kediaman mereka di Demak Jaya, Jalan Bako dari jam 2 hingga 4 petang.

(END)